

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan klinik kesihatan di tapak tanah hak milik Kementerian Kesihatan di Sepupok Niah dan adakah Kementerian akan menyenaraikan bina semula Klinik Kesihatan Bekenu yang terletak di pusat pentadbiran daerah Subis dalam Rancangan Malaysia ke-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini penduduk Batu Niah dan Sepupok boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Batu Niah dan Klinik Komuniti Sepupok. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan penduduk Sepupok Niah. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan **akan mengemukakan permohonan pembinaan Klinik Kesihatan Sepupok** yang baharu dalam Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK-12). Cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Sepupok baru ini juga akan dapat menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk berdekatan seperti di Batu Niah.

2. Klinik Kesihatan Bekenu pula merupakan sebuah klinik kesihatan yang telah menjalani beberapa **penambahbaikan**. Terbaharu, **perkhidmatan makmal perubatan** disediakan di Klinik Kesihatan Bekenu untuk menambah mutu perkhidmatan di klinik berkenaan.

3. Dengan kedatangan harian sebanyak 100 orang, Kementerian Kesihatan berpandangan **Klinik Kesihatan Bekenu masih mampu menampung keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk-penduduk sekitarnya**. Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau keperluan penduduk bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Sekian, terima kasih.